

SULIT
2280/2
GEOGRAFI
KERTAS 2
NOVEMBER
2000
2 JAM

2280/2

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2000

TINGKATAN EMPAT

GEOGRAFI

KERTAS 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan

- 1. Jawab empat soalan semuanya, dua soalan daripada Bahagian A dan dua soalan daripada Bahagian B*
- 2. Markah akan diberi bagi peta dan gambar rajah yang sesuai.*
- 3. Peta yang diberi dalam kertas soalan ini, jika digunakan hendaklah diceraikan daripada kertas soalan ini dan diikat bersama-sama kertas jawapan yang lain.*

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak

2282/2 © 2000 Hak Cipta PKPSM Cawangan Terengganu

[Lihat sebelah
SULIT

Bahagian A
(Malaysia)

1. (a) Di atas Peta No. 1 (Malaysia) namakan:

- i. Sungai yang bertanda S1 dan S2
- ii. Tasik yang bertanda T1 dan T2
- iii. Empangan yang bertanda J

[5 markah]


(b) Sungai banyak memberi manfaat kepada negara Malaysia.

Dengan memberikan contoh yang spesifik, nyatakan manfaat-manfaat berkenaan.

[10 markah]

(c) Terangkan bagaimana pencemaran sungai boleh berlaku.

[10 markah]



(a) Berdasarkan gambar rajah di atas, apakah cara manusia mengatasi masalah halangan fizikal untuk membina jalan raya bagi menghubungkan X dengan Y?

[5 markah]

Di Malaysia seringkali mengalami masalah pergerakan jisim tertamannya pada musim hujan

(b) i. Jelaskan jenis-jenis pergerakan jisim

[5 markah]

ii. Terangkan sebab-sebab yang membawa kepada terjadinya pergerakan jisim.

[8 markah]

(c) Huraikan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kejadian pergerakan jisim

[7 markah]

[Lihat sebelah

Negeri	Bilangan Gajah
Pahang	259
Perak	162
Terengganu	181
Kelantan	58
Sarawak	119

Bilangan Gajah di Hutan Negeri-Negeri Terpilih Di Malaysia 1998

3. (a) Di atas Peta No. 2 (Malaysia), dengan menggunakan skala 1 titik mewakili 20 ekor gajah, lukiskan peta titik yang menunjukkan bilangan gajah di hutan negeri-negeri terpilih di Malaysia [8 markah]
- (b) Negara kita Malaysia mempunyai pelbagai jenis hidupan liar. Nyatakan jenis-jenis hidupan liar tersebut [5 markah]
- (c) Apakah yang berlaku kepada hidupan liar jika penerokaan hutan tanpa kawalan berterusan? [6 markah]
- (d) Terangkan langkah-langkah yang dilakukan dalam usaha untuk melindungi hidupan liar di negara kita [6 markah]
4. (a) i. Bagaimanakah kegiatan manusia menyebabkan berlakunya pulau haba? [6 markah]
- ii. Jelaskan langkah-langkah untuk mengurangkan kesan pulau haba [6 markah]
- Sejak kebelakangan ini bandar-bandar utama dunia sering mengalami masalah jerebu*
- (b) i. Mengapakah berlakunya kejadian ini? [6 markah]
- ii. Nyatakan kesan jerebu terhadap alam sekitar [7 markah]

[Lihat sebelah

Bahagian B
(Malaysia dan Dunia Luar)


Negara	Tahun					
	1983	1984	1985	1986	1987	1988
Hong kong	41	35	30	34	38	49
India	50	21	35	37	38	41
Jepun	114	123	123	133	142	162
Taiwan	18	21	21	24	29	37

(unit dalam ribu tan)

Jumlah barangan yang dieksport ke Malaysia dari negara-negara terpilih, 1983-1988

5. (a) Dengan menggunakan skala 1 sm : 10,000 tan, lukiskan satu graf garisan bagi menggambarkan jumlah barangan yang dieksport ke Malaysia [8 markah]
- (b) Lautan yang luas terbentang mempunyai banyak potensi dalam perkembangan pembangunan sesebuah negara. Huraikan potensi-potensi dan sumbangan sumber laut. [7 markah]
- (c) Jelaskan kesan-kesan tindakan ombak yang melampau di kawasan pinggir pantai dan berikan usaha-usaha yang dijalankan bagi mengurangkan risiko hakisan ombak di kawasan pantai. [10 markah]
6. (a) Dengan merujuk mana-mana negara (kecuali Malaysia) yang mempunyai hutan hujan tropika, nyatakan ciri-ciri hutan tersebut. [8 markah]
- (b) Terangkan sumbangan tumbuh-tumbuhan semula jadi kepada negara tersebut. [8 markah]
- (c) Apakah kesan yang terjadi terhadap alam sekitar sekiranya tumbuh-tumbuhan semula jadi ditebang tanpa kawalan. [9 markah]

[Lihat sebelah



Pembentukan Hujan

7. (a) Berdasarkan rajah di atas, huraikan

- i. Pembentukan hujan asid [5 markah]
- ii. Kesan-kesan hujan asid kepada manusia dan alam sekitar [7 markah]

'Penipisan ozon merupakan kesan akibat tindakan manusia di negara-negara industri maju'

- (b) i. Bagaimanakah tindakan manusia di negara maju itu menyebabkan penipisan ozon? [6 markah]
- ii. Apakah kesan-kesan penipisan ozon terhadap alam sekitar [7 markah]

Bulan	J	F	M	A	M	J	J	O	S	O	N	D
Suhu °C	8	8	20	12	16	19	21	21	14	14	11	8
Hujan mm	58	53	56	48	56	61	71	66	56	76	71	71

Bandar X

8. (a) Berdasarkan jadual di bandar X

- i. Dengan menggunakan skala 1cm : 10mm lukiskan satu Histogram yang dapat menggambarkan maklumat hujan. [8 markah]
- ii. Huraikan ciri-ciri suhu dan hujan di bandar tersebut [8 markah]

(b) Huraikan jenis-jenis pekerjaan yang dipengaruhi oleh iklim [9 markah]


Soalan tamat

Nama :

Tingkatan :

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN TINGKATAN 4 GEOGRAFI 2

Peta No. 1 untuk soalan No. 1, Nov. 2000
(Hendaklah diikat bersama dengan jawapan lain)



MALAYSIA

Sungai		Tasik		Empangan	
S1	T1		J		
S2	T2				

Name :
Tingkatan :

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN TINGKATAN 4 GEOGRAFI 2

Peta No. 2 untuk soalan No. 3, Nov. 2000
(Hendaklah diikat bersama dengan jawapan lain)

